

Serdang: Kira-kira 3,000 pelajar universiti awam dan institusi pengajian tinggi (IPT) mengambil bahagian dalam Persidangan Kepimpinan Pelajar untuk Keamanan yang diadakan di Dewan Besar, Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, baru-baru ini.

Program itu dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM dengan kerjasama Persekutuan Wanita Bagi Keamanan Dunia (WFWP) Malaysia.

Persidangan itu diadakan bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai aspek kepimpinan dan pada masa sama berusaha menge-kalkan keamanan negara supaya tidak diperaruh oleh agenda negatif daripada pihak tidak bertanggungjawab.

Yang Dipertua MPP UPM, Aida Fitri Peli, berkata objektif utama penganjuran program itu ialah untuk membentuk pemimpin pelajar dengan watak dan pemikiran yang cemerlang dengan mengamalkan prinsip hidup demi kepentingan orang lain.

"Selain itu, program ini juga bertujuan mewujudkan budaya hati dan keamanan yang mapan

Bentuk pemimpin pelajar miliki watak cemerlang

dalam kalangan belia dan pelajar universiti merentasi kaum, agama, budaya serta kewarganegaraan.

Platform penting

"Sempena program ini juga, peserta dapat mendengar pembentangan daripada dua ahli panel sekali gus berkongsi pengalaman bersama pemimpin pelajar daripada universiti lain yang mengambil bahagian," katanya ketika berucap pada majlis perasmian persidangan itu.

Persidangan Kepimpinan Pelajar untuk Keamanan yang bertemakan Pembinaan Negara Melalui Budaya Hati itu dirasmikan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Aini Ideris dan Penasihat Kanan Antarabangsa WFWP Malaysia, Dr Yoo Chong Young.

Sementara itu, Prof Dr Aini



STUDENTS FOR PEACE LEADERSHIP CONFERENCE

Nation Building through Culture of Heart

Rosmah bergambar kenangan bersama-sama peserta selepas merasmikan Persidangan Kepimpinan Pelajar untuk Keamanan, di UPM, baru-baru ini.

berkata, aktiviti kesukarelawanan adalah platform penting kepada warga UPM untuk kembali menyumbang kepada masyarakat dalam konteks

ilmu dan kepakaran melalui perkhidmatan komuniti.

"Melalui konsep menyeraf-kan budaya kesukarelawanan dalam diri warga

UPM, mereka akan sentiasa ingat mengenai kepentingan pengorbanan dan memberi kepada yang memerlukan berbanding menerima sema-

ta-mata.

"Saya percaya budaya dan semangat kesukarelawanan ini adalah kunci kepada pembangunan bangsa," katanya.